

13/10/2003

Malaysia serah nama 5 calon

PUTRAJAYA: Malaysia mempunyai beberapa nama untuk dicadangkan bagi jawatan Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sebagai memenuhi permintaan banyak anggota pertubuhan itu yang mahu melihat negara ini menyandang jawatan berkenaan.

Antara nama yang disebut termasuk bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; bekas Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Hasmy Agam; dan Penasihat Agama Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman.

Sumber diplomatik berkata, Musa Hitam dan Syed Hamid dijangka tidak mahu dicadangkan ke jawatan berprestij dalam OIC itu.

"Ada kira-kira lima nama yang diserahkan kepada Kerajaan untuk dipilih sebagai calon dan semua nama itu, adalah berdasarkan permintaan serta sokongan negara anggota OIC," katanya kepada Berita Harian di sini, semalam.

Nama calon untuk jawatan itu perlu diserahkan kepada sekretariat pertubuhan sebelum Disember ini.

Sebelum ini, Syed Hamid dilaporkan berkata, Malaysia akan mencadangkan seorang calon bagi jawatan Setiausaha Agung OIC apabila penyandanginya, Abdelouahed Belkeziz, melepaskan jawatan itu tahun depan.

Beliau bagaimanapun enggan menyatakan calon berkenaan tetapi menegaskan bahawa tokoh berkenaan adalah seorang yang berpengalaman dan berkelayakan.

Syed Hamid juga menolak khabar angin yang Malaysia akan mencadangkan "seorang bekas Perdana Menteri" bagi mengetuai pertubuhan itu.

Terdapat khabar angin sebelum ini bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan ditawarkan jawatan itu ekoran penghormatan yang diterimanya daripada dunia Islam.

Sumber diplomatik itu berkata, tidak mungkin Kerajaan bersetuju menawarkan kedudukan berkenaan kepada Dr Mahathir kerana jawatan itu hanya lebih merupakan `jawatan pentadbiran`.

Katanya, Malaysia memutuskan untuk menamakan calon bagi jawatan berkenaan selepas diminta banyak anggota OIC yang mahu Malaysia menerajui pertubuhan itu.

Difahamkan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar OIC yang bermula hari ini akan turut membincangkan mengenai jawatan Setiausaha Agung yang mana ia akan ditentukan berasaskan persetujuan sebulat suara negara anggota.

Setakat ini, Bangladesh sudah menyatakan secara terbuka untuk menjawat jawatan itu, mencalonkan Salauddin Quader Chowdhury iaitu Setiausaha parlimen kepada Perdana Menteri Khaleda Zia.

Chowdhury sebelum ini berusaha mendapatkan sokongan negara Arab, tetapi ada pihak menentang pencalonan itu berikutan sejarah kerjaya politiknya.

Sumber diplomatik itu berkata, Bangladesh yang tidak berputus asa selepas tewas kepada Maghribi dalam pemilihan lalu, menghantar perwakilan besar iaitu terdiri daripada 40 anggota ke Sidang Kemuncak OIC ke-10 Khamis ini.

"Ini menampakkan keazaman negara itu untuk menyandang jawatan berkenaan kali ini, tetapi banyak anggota OIC dilihat sebagai tidak mahu menyokong hasrat Bangladesh," katanya.

Kelmarin, seorang delegasi dari Bangladesh dilaporkan berkata, negaranya berharap Malaysia memberi peluang kepada negara itu menyandang jawatan berkenaan berikutan Pengerusi OIC akan dijabat Malaysia.